

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

### **HSM 317 – Seminar Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Sebelum pendudukan Jepun terdapat berbagai-bagai bentuk pertubuhan buruh di Tanah Melayu dan Singapura. Kenalpastikan bentuk-bentuk pertubuhan itu dan asas perkembangannya daripada 1900 sehingga 1940.
2. Berdasarkan dokumen W.L. Blythe dan dokumen Persuruhjaya Tinggi, bincangkan perbezaan pendirian pihak kerajaan terhadap mogok-mogok buruh Cina pada 1937 dan mogok-mogok buruh India pada 1941.
3. Pendudukan Jepun (1942-1945) merupakan suatu faktor penting dalam perkembangan pergerakan buruh yang bercorak militan dan radikal di Tanah Melayu. Mengapa?
4. Bincangkan peranan United Planting Association of Malaya (UPAM) dan John Brazier dalam proses pembendungan Kesatuan Sekerja Umum SeMalaya di antara 1946 dan 1948.
5. Apakah undang-undang perburuhan yang membawa kepada pengharaman kesatuan sekerja umum yang bergerak di bawah pernaungan Parti Komunis Malaya?
6. Apakah sifat-sifat utama yang mendasari pergerakan kesatuan sekerja baru pada peringkat awal Darurat dan sejauh manakah sifat-sifat itu berbeza daripada pergerakan buruh di antara 1946 dan 1948?

7. Sekatan-sekatan dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959 membayangkan reaksi pihak kerajaan terhadap perkembangan-perkembangan baru dalam bidang perburuhan dan politik di Tanah Melayu dan Singapura selepas tahun 1955. Bincangkan.

-- oo000oo --